



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 260

**AKTA HIDROGEN SIANID (PENGASAPAN)
1953**

(Disemak—1981)

Disemak hingga 14hb Oktober 1981

Tarikh ditetapkan untuk mula
berkuatkuasa 24hb Disember 1981

Tarikh disiarkan dalam *Warta* 3hb Disember 1981



Dikemukakan dalam tahun 1953 sebagai Ordinan P.T.M. No. 22
Tahun 1953.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 260****AKTA HIDROGEN SIANID (PENGASAPAN)
1953****(Disemak—1981)**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Kuasa membuat peraturan-peraturan.
4. Notis hendaklah diberi mengenai kemalangan akibat daripada pengasapan.
5. Menyasat kemalangan.
6. Siasatan atau inkuis ke atas kematian disebabkan oleh kemalangan.
7. Kuasa memakai Akta bagi pengasapan dengan gas-gas lain.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 260

AKTA HIDROGEN SIANID (PENGASAPAN) 1953

(Disemak—1981)

Suatu Akta untuk mengawal pengasapan premis dan artikel dengan hidrogen sianid; dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengan perkara-perkara yang tersebut dahulu.

[30hb April 1953.]

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Hidrogen Sianid (Pengasapan) 1953. Tajuk ringkas dan pemakaian.
 - (2) Akta ini terpakai di Malaysia Barat sahaja.

2. Dalam Akta ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“Malaysia Barat” mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam seksyen 3 Akta Tafsiran 1967, dan 23/67. meliputi Wilayah Persekutuan;

“Pendaftar” ertinya mana-mana Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Kanan Pendaftar atau Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi.

3. (1) Dengan maksud melindungi orang-orang daripada bahaya yang berkaitan dengan pengasapan premis dan artikel (meliputi mana-mana kapal atau kenderaan) dengan hidrogen sianid, Menteri boleh membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan pengasapan itu dan, tanpa menyentuh keluasan makna peruntukan-peruntukan yang terdahulu, peraturan-peraturan itu boleh— Kuasa membuat peraturan-peraturan.
 - (a) mengawal cara bagaimana hidrogen sianid akan dijanakan dan menghendaki percampuran apa-apa bahan dengannya;

- (b) melarang menjalankan apa-apa pengasapan itu kecuali dengan atau di bawah penyeliaan orang-orang yang mempunyai latihan atau pengalaman seumpamanya sebagaimana dinyatakan dalam peraturan-peraturan dan oleh seberapa orang itu sebagaimana dinyatakan sedemikian;
- (c) melarang menjalankan apa-apa pengasapan itu kecuali oleh orang-orang yang dilisen untuk menjalankannya;
- (d) mengawal pengeluaran, penggantungan atau pembatalan lesen bagi menjalankan apa-apa pengasapan itu dan terma dan syarat yang tertakluk kepadanya lesen itu boleh dikeluarkan dan fee yang akan dikenakan bagi maksud itu;
- (e) mengawal pelupusan residu apa-apa bahan yang digunakan dalam pengasapan;
- (f) bagi maksud mencegah kesan yang memudaratkan akibat daripada pengasapan itu, mengenakan sekatan sementara ke atas penggunaan mana-mana premis atau artikel, dan menghendaki apa-apa ujian sebagaimana dinyatakan dalam peraturan-peraturan yang akan dijalankan selepas pengasapan itu.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini tidak terpakai bagi apa-apa pengasapan sedemikian yang dijalankan di kawasan terbuka.

(3) Jika mana-mana orang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini dia apabila disabitkan, boleh dikenakan denda sebanyak lima ratus ringgit bagi tiap-tiap satu kesalahan.

Notis hendaklah diberi mengenai kemalangan akibat daripada pengasapan.

4. (1) Apabila apa-apa kemalangan yang menyebabkan kehilangan nyawa manusia atau kecederaan diri berlaku akibat daripada pengasapan mana-mana premis atau artikel, orang atau ejennya, yang menjalankan pengasapan itu hendaklah dengan serta-merta menghantar atau memastikan supaya dihantar kepada Menteri notis tentang kemalangan dan kehilangan nyawa manusia atau kecederaan diri itu.

(2) Tiap-tiap orang yang tersebut dulu yang gagal mematuhi seksyen ini, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda sebanyak dua ratus ringgit.

5. Menteri boleh mengarahkan supaya siasatan dibuat oleh orang yang dilantiknya mengenai sebab sesuatu kemalangan yang mana notis dikehendaki oleh Akta ini supaya diberi kepada Menteri, dan jika didapati oleh Menteri sama ada sebelum atau selepas bermulanya apa-apa siasatan sedemikian, bahawa suatu penyiasatan lebih rasmi tentang kemalangan dan sebab-sebab dan hal-keadaan kemalangan itu, adalah bermanfaat, dia boleh dengan perintah, mengarahkan supaya suatu penyiasatan rasmi diadakan, dan berkenaan dengan siasatan-siasatan dan penyiasatan-penyiasatan yang dibuat atau diadakan di bawah Akta ini peruntukan-peruntukan berikut hendaklah berkuat-kuasa:

Menyiasat
kemalangan.

- (a) Menteri boleh, dengan perintah yang sama atau mana-mana perintah selanjutnya, melantik seorang atau beberapa orang yang mempunyai pengetahuan undang-undang atau khas untuk membantu dalam menjalankan sesuatu penyiasatan rasmi, atau boleh mengarahkan Majistret atau orang atau orang-orang lain yang dinamakan dalam perintah itu supaya menjalankan sesuatu penyiasatan sedemikian dengan bantuan mana-mana pengapit atau pengapit-pengapit yang dinamakan dalam perintah itu;
- (b) orang-orang yang menjalankan apa-apa penyiasatan (dalam seksyen ini disebut sebagai mahkamah) hendaklah menjalankannya dalam mahkamah terbuka mengikut apa-apa cara dan di bawah apa-apa keadaan yang mereka fikirkan paling berkesan bagi menentukan sebab-sebab dan hal-hal keadaan kemalangan itu, dan bagi membolehkan mereka membuat laporan yang disebut dalam seksyen ini;
- (c) mahkamah itu hendaklah bagi maksud penyiasatan mempunyai semua kuasa Mahkamah Majistret apabila bertindak sebagai mahkamah semasa mendengar maklumat tentang kesalahan-kesalahan terhadap Akta ini, dan sebagai tambahan mempunyai kuasa-kuasa berikut, iaitu—
 - (i) mereka boleh memasuki dan memeriksa mana-mana tempat atau bangunan di

- mana kemasukan atau pemeriksaannya didapati perlu oleh mereka bagi maksud tersebut;
- (ii) mereka boleh dengan saman yang ditandatangani oleh mereka menghendaki kehadiran semua orang yang mereka fikirkan patut untuk dipanggil supaya hadir di hadapan mereka dan diperiksa bagi maksud tersebut, dan boleh bagi maksud tersebut menghendaki supaya diberi kepada mereka jawapan atau penyata kepada siasatan itu sebagaimana mereka fikirkan patut dibuat;
 - (iii) mereka boleh menghendaki supaya dikemukakan segala buku, kertas dan dokumen yang mereka anggap mustahak bagi maksud tersebut;
 - (iv) mereka boleh mengendalikan sumpah, dan menghendaki mana-mana orang yang diperiksa untuk membuat dan menandatangani suatu akuan tentang kebenaran pernyataan yang dibuat olehnya dalam pemeriksaannya;
- (d) orang-orang yang hadir sebagai saksi di hadapan mahkamah hendaklah dibenarkan apa-apa perbelanjaan yang sepatutnya dibenarkan kepada saksi-saksi yang hadir di hadapan Mahkamah Tinggi, dan sekiranya ada pertikaian tentang amaun yang akan dibenarkan, pertikaian itu hendaklah dirujuk oleh mahkamah kepada Pendaftar yang, atas permintaan dengan ditandatangani oleh anggota-anggota mahkamah itu, hendaklah menentukan dan memperakui amaun yang sesuai bagi perbelanjaan itu;
- (e) jika mana-mana orang tanpa alasan yang munasabah (di mana buktinya adalah terletak di atasnya) selepas dibayar perbelanjaan kepadanya, jika ada, yang dia berhak, gagal mematuhi apa-apa saman atau rekuisisi mahkamah yang menjalankan sesuatu penyiasatan di bawah Akta ini, atau mencegah atau menghalang mahkamah daripada melaksanakan tugasnya, dia hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan denda sebanyak satu ratus ringgit,

atau, dalam hal kegagalan untuk mematuhi sesuatu rekuisisi bagi memberi apa-apa penyata atau mengemukakan apa-apa dokumen, denda sebanyak satu ratus ringgit, bagi tiap-tiap hari di mana kegagalan itu berlaku atau berterusan;

- (f) orang yang dilantik untuk menyiasat sesuatu kemalangan dan mahkamah yang menjalankan sesuatu penyiasatan mengenai apa-apa kemalangan di bawah seksyen ini hendaklah membuat laporan kepada Menteri dengan menyatakan sebab-sebab kemalangan itu dan semua hal-keadaan besertanya, dan mengandungi apa-apa pandangan ke atasnya atau ke atas keterangan atau ke atas apa-apa perkara yang berbangkit daripada siasatan atau penyiasatan yang dia atau mereka fikirkan patut dimasukkan ke dalam laporan itu, dan Menteri hendaklah menyebabkan tiap-tiap laporan yang dibuat kepadanya itu supaya diberitahu umum mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut.

6. (1) Jika seseorang Majistret menjalankan sesuatu siasatan atau inkues ke atas mayat seseorang yang kematiannya mungkin telah disebabkan oleh apa-apa kemalangan di mana notis dikehendaki oleh Akta ini supaya diberi kepada Menteri, Majistret itu hendaklah menanggungkan siasatan atau inkues itu melainkan mana-mana orang bagi pihak Menteri hadir untuk menyaksikan prosiding itu:

Siasatan
atau inkues
ke atas
kematian
disebabkan
oleh
kemalangan.

Dengan syarat bahawa, jika kemalangan itu tidak menyebabkan kematian lebih daripada seorang, dan Majistret telah menghantar kepada Menteri notis tentang masa dan tempat mengadakan siasatan atau inkues itu tidak kurang daripada empat puluh lapan jam sebelum masa siasatan atau inkues itu diadakan, adalah tidak perlu baginya menanggungkan siasatan atau inkues itu menurut seksyen ini jika Majistret fikirkan tidak perlu baginya untuk berbuat demikian.

(2) Majistret boleh sebelum penangguhan, mengambil keterangan bagi mengenali mayat itu dan boleh memerintahkan pengkebumiannya.

(3) Majistret hendaklah menghantar kepada Menteri notis bertulis tentang masa dan tempat mengadakan siasatan atau inkues yang ditangguhkan itu, sekurang-kurangnya empat hari sebelum siasatan atau inkues yang ditangguhkan itu diadakan.

(4) Seseorang yang hadir bagi pihak Menteri adalah bebas untuk memeriksa mana-mana saksi di mana-mana siasatan atau inkues yang tersebut dulu, tertakluk walau bagaimanapun kepada perintah Majistret atas perkara undang-undang.

(5) Jika di mana-mana siasatan atau inkues keterangan telah diberi tentang apa-apa pengabaian yang menyebabkan atau turut menyebabkan sesuatu kemalangan, Majistret hendaklah, jika tiada seorang pun yang berkhidmat bagi pihak Menteri hadir ketika siasatan atau inkues itu, menghantar notis bertulis tentang pengabaian itu kepada Menteri.

Kuasa
memakai
Akta bagi
pengasapan
dengan
gas-gas
lain.

7. Menteri boleh dengan perintah memakai peruntukan-peruntukan Akta ini atau apa-apa peruntukan sebagaimana dinyatakan dalam perintah bagi pengasapan dengan apa-apa bahan selain daripada hidrogen sianid dengan cara yang sama seperti yang dipakai terhadap pengasapan dengan hidrogen sianid tertakluk kepada apa-apa penyesuaian, jika ada, sebagaimana perlu dengan memberi pertimbangan terhadap jenis bahan tersebut.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 260

AKTA HIDROGEN SIANID (PENGASAPAN)
1953

(Disemak—1981)

*Butir-butir di bawah seksyen 7 (ii) dan (iii) Akta
Penyemakan Undang-Undang 1968 (Akta 1)*

SENARAI PINDAAN

Undang-undang meminda	Tajuk ringkas	Berkuatkuasa dari
P.U. 371/55 ...	Perintah Anggota-Anggota Kerajaan Persekutuan (Pertukaran Gelaran dan Jawatan) 1955	4-8-1955
P.U. 332/58 ...	Perintah Perlembagaan Persekutuan (Penggubahsuaian Undang-Undang) (Ordinan dan Perisytiharan) 1958	13-11-1958
Akta 91 ...	Akta Mahkamah Kehakiman 1964	16-9-1963; 16-3-1964
Akta 23/67 ...	Akta Tafsiran 1967 ...	18-5-1967
Akta A324 ...	Akta Kanun Acara Jenayah (Pindaan dan Perluasan) 1976	10-1-1976

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA
YANG DIGANTI

No.	Tajuk
Ordinan P.T.M. 22 Tahun 1953	Ordinan Hidrogen Sianid (Pengasapan) 1953.